

KERAJAAN PAHANG BERHASRAT JADIKAN DAERAH LIPIS SEBAGAI UNESCO GLOBAL GEOPARK

KUANTAN, 8 Jun 2022 : Kerajaan Pahang bakal mengambil langkah-langkah proaktif dalam usaha menjadikan daerah Lipis sebagai UNESCO Global Geopark.

YAB Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Haji Wan Rosdy Wan Ismail berkata, perkara berkenaan diputuskan dalam Mesyuarat Anggota Perbadanan Taman Negeri Pahang.

"Geopark merupakan sebuah wilayah yang mengandungi tapak warisan geologi dan landskap berkepentingan antarabangsa dan diurus secara holistik berdasarkan konsep pemeliharaan, pemuliharaan, pendidikan dan pembangunan lestari.

"Antara keunikan Daerah Lipis selain merupakan bandar warisan Negeri Pahang adalah terdapatnya batuan berusia Devon–Perm Tengah iaitu sekitar 420 hingga 270 juta tahun lalu di Pos Betau yang menjadi bukti pertembungan dua plat tektonik yang membentuk Semenanjung Malaysia.

"Aspirasi Lipis Geopark akan menjadi platform untuk memperkasa kepelbagaiannya warisan Daerah Lipis. Pengiktirafan sebagai tapak Geopark juga akan mempertingkatkan sosio-ekonomi masyarakat setempat melalui kewujudan peluang pekerjaan dan kerancakan aktiviti pelancongan," katanya dalam satu kenyataan media.

Dalam pada itu beliau berkata sebagai langkah awal, Kerajaan Negeri telah melakukan perbincangan dengan Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) dan Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) melalui Perbadanan Taman Negeri Pahang untuk menubuhkan Jawatankuasa Pembangunan Lipis Geopark yang merangkumi keperluan sumber manusia dan kewangan bagi mendapatkan pengiktirafan sebagai sebuah Geopark Kebangsaan.

Pengiktirafan tersebut katanya merupakan antara syarat untuk melayakkan Lipis Geopark dicalonkan sebagai UNESCO Global Geopark.

"Saya berharap agar usaha kita untuk mewujudkan Lipis Geopark menjadi kenyataan supaya daerah ini dapat kita uruskan secara holistik berteraskan kelestarian alam

semula jadi selain menjadi satu lagi tarikan pelancongan menarik khususnya nya bagi mereka yang meminati bidang geologi, ” katanya.

Sehingga kini, terdapat 177 UNESCO Global Geopark di seluruh dunia dan Langkawi Geopark merupakan satu-satunya UNESCO Global Geopark di Malaysia.

Selain itu, terdapat enam tapak yang telah diiktiraf sebagai Geopark Kebangsaan iaitu, Langkawi Geopark, Lembah Kinta Geopark, Jerai Geopark, Mersing Geopark, Kinabalu Geopark, Lenggong Geopark, dan Labuan Geopark. **-PAHANGMEDIA**

#MajuTerusPahang

#Pahang1st

#KerajaanNegeriPahang

Oleh: Fairus Mohd

(LIPUTAN BERGAMBAR)





